

05/03/2002

Gerakan sedia hadapi pilihan raya

BENTONG, Isnin - Gerakan sudah bersedia menghadapi pilihan raya kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Ketari berikutan kematian wakil rakyat kawasan itu, Datuk Loke Koon Kam petang semalam.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata partinya sudah mewujudkan peti undi di kawasan tertentu dan jentera pilihan raya akan digerakkan selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat pengumuman mengenainya.

Beliau berkata, perbincangan dengan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berhubung persiapan pilihan raya akan dilakukan di sini, selepas upacara pengebumian jenazah Loke esok.

Katanya, beliau akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya petang ini bagi memaklumkan senario politik di DUN Ketari.

"Kita sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya kecil, termasuk mewujudkan peti undi, malah saya juga dimaklumkan Umno sudah melakukan persediaan sewajarnya bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) di sini," katanya selepas melawat mendiang Loke di kediamannya di Taman Marong di sini, hari ini.

Dr Lim berkata, beliau sudah mempunyai nama calon sesuai tetapi enggan mendedahkan nama calon berkenaan.

Bagaimanapun beliau mengesahkan calon itu berasal dari Pahang dan rakyat tempatan.

(END)